

3 spesies baharu Begonia ditemui di Kanyon Imbak

Kota Kinabalu: Tiga spesies baharu tumbuhan berbunga daripada kumpulan Begonia ditemui di Kawasan Konservasi Kanyon Imbak (ICCA), Tongod, di sini, ketika Ekspedisi Geografik Borneo di kawasan berkenaan pada September hingga Oktober tahun lalu.

Penemuan oleh ahli botani Taman-Taman Sabah itu adalah antara kejayaan menarik ekspedisi sulung berkenaan yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Yayasan Sabah (YS) selaku agensi yang mengurus ICCA.

Selain Begonia, ekspedisi itu turut merekodkan penemuan 51 spesies pokok dipterokap dengan 26 daripadanya dikenal pasti sebagai endemik di Borneo dan satu endemik di Sabah iaitu *Shorea sumingtonii* atau Meranti Putih.

Spesies berkenaan direkodkan kumpulan penyelidik botani dari Pusat Perhutanan Sepilok, Jabatan Perhutanan Sabah, Sandakan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin, berkata ekspedisi yang disertai lebih 100 saintis dan penyelidik dari seluruh negara itu menumpukan kajian di Stesen Penyelidikan Kangkawat, ICCA yang merangkumi keluasan dengan radius tujuh kilometer.

Beliau berkata, ekspedisi itu disertai penyelidik dan pelajar dari UMS, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Katanya, ia turut disertai penye-

lidik dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF), Pusat Penyelidikan Hutan, Taman-Taman Sabah dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).

Kaji inventori, ekologi tumbuhan

“Tujuan ekspedisi antara lain adalah untuk membuat kajian inventori dan ekologi tumbuhan dan haiwan, mencari sebatian berguna daripada flora dan fauna, meneroka dan membuat penilaian kawasan menarik untuk potensi pelancongan alam semula jadi dan menjalankan kajian sosioekonomi,” katanya pada majlis perasmian Seminar Ekspedisi Geografik Borneo yang disempurnakan Pe-

ngerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk KY Mustafa, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah YS, Datuk Jamalul Kiram Mohd Zakaria; Pengarah Institut Biologi Tropika dan Penyelidikan UMS, Prof Madya Dr Monica Suleiman dan Pengerusi Penganjur Seminar Ekspedisi Geografik Borneo, Dr Fiffy Hanisdah Saikim.

Kajian zoologi yang dijalankan penyelidik UMS, UCSF, UNIMAS, UKM dan UMK turut menemui rekod baharu Sabah menerusi penemuan kelawar spesies *Chaerophon johoriensis* selain tiga spesies kelawar endemik di Sabah daripada 26 spesies mamalia terbang yang ditemui sepanjang ekspedisi itu.

Ekspedisi itu turut menemui beberapa spesies orkid yang jarang

ditemui dengan dua daripadanya endemik di Kepulauan Borneo, iaitu *Phalaenopsis cf. modesta* dan *Trichoglottis borneensis*.

Sementara itu, Mustafa berkata UMS akan menjalin kerjasama lebih erat dengan YS menerusi satu Perjanjian Persefahaman (MoU) yang akan dimeterai tidak lama lagi berkaitan kajian biologi tropika dan konservasi selain menjalankan ekspedisi saintifik, bengkel, seminar dan persidangan anjuran bersama.

Terdahulu, Jamalul Kiram, berkata YS menggalakkan pelajar dan penyelidik tempatan serta luar negara memanfaatkan Pusat Pembelajaran Kanyon Imbak (ICSC) yang baru dibuka dengan kerjasama PETRONAS di ICCA bagi menjalankan penyelidikan.